

บทความวิจัย

ประสิทธิผลจากการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์กับการอนุรักษ์ภาษามลายู  
กรณีศึกษาในอำเภอเมือง จังหวัดยะลา

มูหะมัด คอยา\*, ซาฟิอี อาดัม\*\*

\* นักศึกษาปริญญาเอก สาขาวิชาอิสลามศึกษา วิทยาลัยอิสลามศึกษา มหาวิทยาลัยสงขลานครินทร์ (PSU) วิทยาเขตปัตตานี  
E-mail : Muhamad1970@hotmail.com

\*\* ดร. (สาขาวิชาตะวันออกกลางศึกษา) อาจารย์ที่ปรึกษาวิทยานิพนธ์ วิทยาลัยอิสลามศึกษา มหาวิทยาลัยสงขลานครินทร์ (PSU) วิทยาเขตปัตตานี E-mail : ardam1234@gmail.com

บทคัดย่อ

บทความนี้มีวัตถุประสงค์เพื่อศึกษาการอนุรักษ์ภาษามลายูในการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์โดยใช้วิธีการศึกษาเชิงพรรณนา อธิบายความกระจ่างและสัมภาษณผู้ที่เกี่ยวข้องกับการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์ใน 14 มัสยิดในอำเภอเมือง จังหวัดยะลาเป็นกรณีศึกษาตัวอย่าง ผลการศึกษาพบว่า (1 ร้อยละ 95 บรรดาเคาะฎิบใช้ภาษามลายูกลางและภาษามลายูถิ่นในการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์โดยใช้เวลาระหว่าง 15-25 นาที (2 ร้อยละ 5 บรรดาเคาะฎิบใช้ภาษามลายูถิ่นผสมผสานกับภาษาไทยและใช้ภาษาไทยล้วนในการนำเสนอคุฏบะฮ์ (3 ประสิทธิผลจากการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์ต่อผู้ร่วมละหมาดอยู่ที่หลายปัจจัยผสมผสานทั้งปัจจัยภายในและภายนอก อีกทั้งคุฏบะฮ์วันศุกร์เป็นโอกาสสำคัญในการนำเสนอความรู้ ข้อคิด ทศนคติ ความเข้าใจเรื่องศาสนา และวิถีชีวิต ที่สำคัญประสิทธิผลจะเกิดขึ้นได้ในการนำเสนอคุฏบะฮ์วันศุกร์ขึ้นอยู่กับทักษะและวิธีการนำเสนอของเคาะฎิบ

คำสำคัญ: มลายู, คุฏบะฮ์, ยะลา



Research

*The effectiveness of Khutbah presentation with local Malay language  
Conservation , A case study in Yala Province*

Moohamad khoya\*, Syafie Ardam\*\*

\* Ph.D. Candidate ( al-Quran and al-Hadith), College of Islamic Studies, Prince of Songkla University (PSU), Pattani Campus

\*\* Dr. (Middle East), Lecturer, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University (PSU), Pattani Campus

Abstract

The propose of this article is to study the effectiveness of Friday Khutbah with local Malay language conservation by Khatib. This work applies descriptive research method to analyse and interviews the person in charge of the Khutbah presentation. The result shows that 1) 95% of Khatibs keep presenting Khutbah with standard and local Malay language and spend 15 to 20 minutes. 2) 5% of Khatibs use the combination of Thai and Malay language or only Thai language in preaching up to the characteristic of people at those areas. 3) Khutbah presentation affects people in many ways both internal and external which Khatib should has a role to make sure that the audiences gain knowledge, understanding and can improve their life. However, the better effectiveness would come from the effective preparation, knowledge and the presentation skill of Khatib in Khutbah.

**Keyword:** Melayu, Khatib, Yala



Artikel

***Keberkesanan Dalam Penyampaian Khutbah Jumaat Dengan Penghayatan Bahasa Melayu, Satu Kajian di Wilayah Yala***

***Moohamad Khoya\*, Syafie Ardam\*\****

*\*Pelajar Ph.D Islamic Studies, Prince of Songkhla University, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkhla University (PSU) Kampus Pattani.*

*\*\*Dr. Syafie Ardam, Pengajian Tamadun (Middle East Studies), Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkhla University (PSU) Kampus Pattani.*

**Abstrak**

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji penghayatan bahasa Melayu dalam penyampain Khutbah Jumaat di kalangan Khatib, Kajian ini di jalankan terhadap masjid-masjid didaerah Muang, Wilayah Yala. dengan memfokuskan kepada penyampain Khatib dengan menggunakan method analisis diskriptis atau kualitatif. Dapatan kajian menunjukan 1) Sebanyak 95 Peratus para Khatib masih menghayati bahasa Melayu persuratan dan bahasa Melayu tempatan dalam menyampaikan khutbah jumaat di seluruh Masjid didaerah Muang Wilayah Yala dengan mengguna masa antara 15-25 minit. 2) 5 Peratus mengguna bahasa Melayu bercampur dengan bahasa Thai dan ada sebahagian Khatib mengguna bahasa Thai sahaja dengan masa yang sama. 3) Keberkesanan dalam penyampaian Khutbah jumaat adalah terhenti diatas beberapa factor dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada kaum muslimin dan memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman beragama dan cara hidup, Namun keberkesanannya tergantung kepada kewibawaan Khatib dan cara penyampainnya.

***Kata kunci:*** *Melayu, Khutbah, Yala.*

## Pendahuluan

Sejarah telah membuktikan bahawa Masjid adalah tulang belakang kepada kebangkitan Islam dizaman Nabi Muhammad ﷺ dan merupakan pusat pendidikan Islam yang berperanan penting dalam pembangunan umat. Ia menunjukkan bahawa tanpa Masjid, penegakan Islam yang sah tidak akan tercetus, malahan penyebaran Islam juga adalah sama, termasuklah pembentukan negara kearah kecemerlangan dan keunggulan. (Ali Abd al-Halim Mahmud, 1991 : 11)

Apabila menyebut tentang peranan Masjid, sewajarnya dikembalikan fungsinya sebagaimana peranannya di zaman silam. Diantaranya sebagai tempat proses para ilmuwan yang berkualiti. Pada hakikatnya kerana Masjid bukan tempat solat lima waktu semata-mata, tetapi peranannya sebagai tempat pembinaan masyarakat, penyatuan umat dengan kefahaman yang sah, tempat mesyuarat dan tempat penyiaran ilmu pengetahuan dan sebagainya. Dengan demikian, Masjid adalah pusat pembinaan tamadun kemanusiaan dan pusat kecemerlangan umat. Antara lain adalah melalui Khutbah jumaat.

Khutbah merupakan salah satu syarat solat Jumaat, apabila menyebut hal Solat jumaat, ternyata amalan paling penting berkaitan dengannya ialah solat Jumaat yang didahului dengan dua Khutbah. Kerana ia disampaikan kepada para hadirin adalah bertujuan untuk memberi peringatan supaya menimbulkan sifat ketakwaan kepada Allah ﷻ dan menjadi orang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai hambaNya di permukaan bumi. Hal demikian, bergantung

kepada faktor-faktor utama seperti bahasa pengantar dan cara penyampaian Khutbah Jumaat itu sendiri.

Wilayah Yala, sebahagian besar penduduknya beragama Islam dan berbahasa Melayu. Khutbah Jumaat juga disampaikan dalam bahasa Melayu sama ada bahasa Melayu persuratan mahupun bahasa Melayu tempatan. Namun terdapat juga sebilangan kecil para Khatib berkhotbah dalam bahasa Thai mengikut keadaan tempat.

## Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan dalam penyampain Khutbah Jumaat dengan penghayatan bahasa Melayu, Satu kajian di Daerah Muang ,Wilayah Yala.

## KEPENTINGAN DAN FAEDAH DARI KAJIAN

Kajian ini ada kepentingan dan faedahnya seperti berikut

1. Mengetahui sejauh manakah penghayatan bahasa Melayu dalam penyampain Khutbah Jumaat.
2. Mendapat faedah hasil dari penyampain Khutbah Jumaat yang berkesan.

## Skop Kajian

Kajian kali ini diskopkan dalam lingkungan seperti berikut

1. Penghayatan bahasa Melayu dikalangan Khatib dalam penyampain Khutbah Jumaat.
2. Memfokuskan kepada penggunaan bahasa Melayu persuratan dan bahasa Melayu tempatan dalam penyampain Khutbah Jumaat.
3. Keberkesanan dari penyampain Khutbah Jumaat kepada para hadirin.

### Cara Kajian Yang Di Jalankan

Kajian ini di jalankan terhadap 14 buah masjid di Daerah Muang ,Wilayah Yala, dengan memfokuskan kepada Masjid yang berdaftar secara resmi dengan Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Yala dan menggunakan method analisis diskriptis atau kualitatif melalui pengumpulan data dari buku-buku berkenaan , soal selidik dan maklumat dari temubual sebagai berikut.

#### 1.Kajian data dari buku

Kajian data dari buku-buku yang berkaitan dengan tajuk melalui cara Documentary Reseach dengan mengulas beberapa buah buku yang berkenaan dengan Khutbah Jumaat dan cara penyapain Khutbah yang berkesnan kepada para hadhirin.

#### 2. Kajian data dari pemerhatian

Kajian dari pemerhatian yang di jalani oleh pengkaji terhadap penyampain Khutbah Jumaat yang di sampaikan oleh para Khatib yang mengguna bahasa Melayu persuratan, bahasa Melayu tempatan dan Bahasa Thai.

#### 3.Kajian dari temubual

Kajian dari temubual yang dijalani terhadap dua orang ilmuan dalam Berpidato di Daerah Muang, Wilaya Yala.

### Cara Mengumpul Data

Cara mengumpul data maklumat kajian ini adalah berdasar kepada 2 cara sebagai berikut

1. Hasil dari bacaan dan catatan ringkas dari buku-buku yang berkaitan dengan Khutbah Jumaat sama ada dari Tafsir,Hadis,Sejarah Islam dan Da'wah.

2. Hasil dari Jaulah pemerhatian Khutbah yang disampaikan di 14 buah Masjid di Daerah Muang, Wilayah Yala.

3. Temuramah dengan pihak berkenaan yang memberi buah fikiran dan pengesyuran dalam tajuk kajian ini di Daerah Muang Yala.

### Cara Analisis Data

Cara analisi data maklumat kajian ini pengkaji menjalaninya berdasar kepada cara sebagai berikut

1. Mengulang kaji data dari catatan ringkas serta membuat analisis yang paling tepat dengan maklumat yang berkaitan dengan tajuk.

2. Mengulas maklumat hasil dari perhatian jaulah khutbah di Daerah Muang, Wilayah Yala.

3. Mengatur maklumat yang terdapat dari tembual dengan dua orang yang terkemuka dalam Berpidato di Daerah Muang, Wilaya Yala.

### Analisis Dan Perbahasan

#### Pengertian Khutbah Jumaat

Khutbah diambil dari perkataan bahasa Arab **خُطْبَ - يَخْطُبُ - خُطْبَةٌ - وَخِطَابَةٌ** Artinya : Mengucap perkataan kepada orang lain supaya memahaminya.

Adapun Perkataan al-Jumaat **الْجُمُعَة** adalah nama hari yang sudah maklum dalam agama Islam sebagai hari pertemuan orang Islam di Masjid untuk menunai fardhu Solat Jumaat.Nama ini diberikan oleh Ka'ab bin Lu ai bin Ghalib kerana hari Jumaat sebelum kedatangan Islam merupakan hari pertemuan orang Arab Kuraisy. (al-Qurtubiy, 2006: 20/463)

Khutbah pada Istilah ada dua pengertian

1- Percakapan yang disusun dalam tulisan berbentuk susunan sajak atau sebutan biasa.

2- Percakapan yang disusun dalam bentuk perkataan yang ditujukan kepada orang ramai dalam bentuk buah fikiran atau menggemarkan mereka mengerjakan sesuatu. (Ali Mahfuz, n.d. : 14 )

Setelah di cantumkan definasi Khutbah diatas dapat disimpulkan bahawa: Khutbah jumaat merupakan ucapan yang di sampaikan kepada golongan orang Islam yang berkumpul didalam Masjid sebelum menunaikan solat Jumaat. Khutbah mengandungi ilmu pengetahuan tentang ajaran agama, peringatan, kesedaran dan nilai-nilai Islam daripada al-Quran, al-Hadis, sejarah di zaman silam, kata-kata hikmat, peristiwa umat Islam dan keadaan semasa. Tujuan utama Khutbah adalah untuk memberi peringatan kepada kaum muslimin supaya bertakwa kepada Allah ﷻ, berpegang teguh dengan sunnah Nabi Muhammad ﷺ, menjalani cara hidup supaya selaras dengan ajaran agama serta menunaikan tugas kewajipan sebagai muslim sebenarnya.

### Kepentingan Khutbah dalam Islam

Khutbah Jumaat adalah suatu dakwah dan seruan orang ramai yang ada tata tertib tersendiri, ia dilaksanakan dalam masa terhad dan tempat tertentu, para Khatib sewajarnya membuat persediaan yang rapi dengan berbagai maklumat dan cara penyampaian untuk menarik perhatian pendengar serta membekalkan mereka dengan isi kandungan yang berfaedah.

Jelas kelihatan kaum muslimin berduyun-duyun menuju ke Masjid pada hari

Jumaat untuk mendengar ajaran agama dan menunaikan fardhu solat. Ini adalah hasil dari keimanan dan kesedaran, menjunjung tugas dan tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah ﷻ yang mesti tunaikan amal ibadat pada hari tersebut. Dengan jelasnya menunjukkan bahawa seruan azan yang dikumandangkan diserata tempat dapat menarik hati dan perasaan orang Islam menuju ke Masjid untuk mendengar Khutbah dan solat Jumaat (al-Ahdal, 1416: 7) seperti firman Allah ﷻ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

**Maksudnya :** Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya) (Surah al- jumu'ah (62) : 9)

Imam al-Baqhawiy menerangkan bahawa suara azan pertama yang dikumandangkan itu adalah seruan kepada semua orang Islam yang diwajibkan solat Jumaat segera menuju ke Masjid, manakala seruan azan yang kedua adalah setelah Khatib duduk di atas Mimbar, menunjukkan bahawa semua pekerjaan mesti dihentikan buat sementara dan cepat menuju ketempat solat untuk mengingati Allah ﷻ dengan mendengar Khutbah dan menunaikan solat Jumaat. (al-Baqhawiy, 1412 : 8/116-117)

Sehubungan dengan ayat yang sama Imam al-Tabariy berpendapat secara ringkas bahawa sejajar dengan seruan tersebut adalah seruan menuju kepada kesedaran agama, yang mesti bagi setiap orang Islam menunaikan solat jumaat dan hendaklah bersegera ke Masjid untuk mendengar ajaran agama melalui Khutbah dan mengingati Allah ﷻ dengan solat Jumaat serta meninggalkan semua pekerjaan buat sementara waktu. (al-Tabariy, 2001: 28/637-643)

### Khutbah sebagai Saluran Dakwah

Jumaat juga termasuk sebahagian dari dakwah yang dijalankan setiap minggu kepada orang ramai yang berkumpul di Masjid sebelum solat didirikan, dengan pembentangan beberapa nasihat dan renungan supaya menjadi bekal dalam hidup menuju keridaan Allah ﷻ.

Kandungan Khutbah disampaikan oleh Baginda dalam bahasa arab yang sederhana, senang difaham dan mudah diamal, ini adalah bertujuan supaya para Sahabat ﷺ dapat menambah keimanan dan ketakwaan, menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman serta meningkat dalam kesedaran dan ketekunan (Ali, Abd al-halim Mahmud, 1991 : 14) Dalam hal yang sama, didapati bahawa melalui Khutbah Jumaat ini baginda dapat menjayakan usaha pembangunan masyarakat dalam memberi kefahaman yang sahih dan membentuk kehidupan yang lebih bermutu kepada para Sahaba ﷺ.

Inilah satu saluran dakwah yang disampaikan sepanjang hidup baginda. Gambaran dakwah atau seruan melalui Khutbah Jumaat yang disampaikan itu, jelas kelihatan bahawa baginda mengambil berat tentang cara

dan isi yang disampaikan, sebagaimana bukti dari sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah ﷺ berkata :

(( كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا خَطَبَ احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ وَعَلَا صَوْتُهُ وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ حَتَّى كَأَنَّهُ مُنْدِرُ حَيْشٍ يَقُولُ صَبِّحَكُمْ وَمَسَاءَكُمْ ))

**Maksudnya:** Adalah Rasulullah ﷺ apabila berkhotbah, (kelihatan) merah mukanya, terangkat suaranya, tegas kemarahannya, seumpama baginda memberi peringatan kepada sekumpulan tentera (yang sedang menghadapi musuh) dengan mengucapkan: Cepatlah kamu bersedia kerana musuh sedang menghadapi kamu pagi dan petang. (Dikeluarkan oleh Muslim, 2005: Hadis 867)

Dengan yang demikian, Khutbah menjadi saluran dakwah yang diisikan dengan ilmu dan maklumat, menjadi salah satu asas pembangunan masyarakat ke arah kemajuan yang berkualiti, berjaya dalam penyampainnya atau tidak adalah bergantung di atas kesedaran dan wawasan pemimpin yang ingin melihat masyarakatnya maju dan bermutu. Dengan itu, Khutbah merupakan jalan untuk mengangkat taraf kehidupan menuju keridaan Allah ﷻ dengan mendapat hidayah dan cahaya petunjuk sebagaimana yang dicontohi oleh baginda Rasulullah ﷺ dalam penyampain khutbahnya yang keluar dari hati sanubari suci lagi murni. (Saif al-Islam Ali Matar, 1986: .65-66)

### Khutbah sebagai Ilmu dan Peringatan

Hari Jumaat adalah mulia-mulia hari dalam Islam, terdapat beberapa keistimewaan yang diberikan kepada umat ini, terutamanya ibadah khas yang di perintah mengerjanya pada

hari tersebut tiada bandingan selain dari upacara Khutbah dan solat Jumaat. keduanya adalah sebagai nasihat, renungan, tunjuk ajar dan ingat kepada Allah ﷻ melalui ayat-ayat al-Quran yang dibaca dalam solat.

Secara umumnya isi kandungan Khutbah disampaikan secara ringkas, menitik berat supaya para hadirin bertakwa kepada Allah ﷻ, berpegangteguh dengan ajaran agama, mengerjakan kebaikan, menjauhi segala larangan. Dalam masa yang sama terdapat beberapa ilmu yang tersirat dalam isi kandungan Khutbah hasil daripada persediaan para Khatib yang menyampaikannya kepada pendengar sesuai dengan masa yang terhad. Ini adalah suatu contoh yang diteladani oleh baginda Rasulullah ﷺ dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Samurah ﷺ sebagai berikut

(( كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَخْطُبُ قَائِمًا ثُمَّ يَجْلِسُ ثُمَّ يَقُومُ وَيَقْرَأُ آيَاتٍ وَيَذْكُرُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَكَانَتْ خُطْبَتُهُ قَصْدًا وَصَلَاتُهُ قَصْدًا ))

**Maksudnya :** Adalah baginda Nabi ﷺ berdiri ketika berkhotbah, kemudian baginda duduk di antara keduanya, selepas itu baginda bangun serta membaca beberapa ayat dan mengingati Allah ﷻ, Khutbahnya ringkas dan solatnya juga sederhana. (Dikeluarkan oleh Al-Nasaie, 2005 : 1429)

Khutbah sebagai nasihat dan tunjuk ajar kepada sidang Jumaat, isi kandungannya diambil dari beberapa sumber ilmu dan maklumat yang dicantumkan menjadi sebuah teks ringkas dan padat disampaikan dalam bentuk jumlah perkataan pemberitahuan kepada pendengar, maka sewajarnya Khutbah bukan hanya menitik

berat hal ketakwaan kepada Allah ﷻ dan hari Akhirat jua, tetapi isi kandungannya meliputi semua aspek kehidupan yang merangkumi segala permasalahan yang memberi faedah kepada para pendengar. (Mohd Yusri, 1985:77-80)

Dengan itu, kejayaan dalam penyampaian Khutbah bukan hanya terhenti di atas satu-satu faktor, tetapi ia termasuk dalam semua perkara yang akan membawa kepada tujuan dan matlamat khutbah itu sendiri. Salah satu dari aspek kejayaan dalam penyampaian tersebut ialah fungsi bahasa yang menjadi topik utama dalam isi Khutbah, jika bahasa itu difahami orang ramai, diatur dengan betul dan rapi, maka Khutbah akan memberi kesan dan rangsangan yang lumayan kepada masyarakat, tetapi sebaliknya, ia akan menghampakan tujuan Khutbah dan mensia-siakan masa yang sepatutnya orang ramai berduyun ke Masjid dapat menerima bahan, buah fikiran dan idea bernas, tetapi mereka akan balik dengan hampa dan tangan kosong.

### Penghayatan bahasa Melayu dalam penyampaian Khutbah

Di Wilayah Yala, Pada umumnya Khutbah jumaat disampaikan dalam bahasa Melayu, sama ada bahasa persuratan yang disusun tulisannya atau bahasa pertuturan dialek tempatan yang disampaikan secara spontan. Walaupun kedua-duanya difahami oleh orang ramai, tetapi mereka lebih berminat mendengar bahasa tempatan kerana merasa lebih dekat dengan perasaan dan hakikat isi kandungan Khutbah yang disampaikan. Namun demikian, bukan sedikit orang Melayu tidak berminat bercakap dengan bahasa Melayu.



Berikut ini, adalah hasil kajian seperti tajuk diatas dalam penyampain Khutbah yang di jalankan di 14 buah Masjid di Daerah Muang ,Wilayah Yala sebagai berikut :

### **Bahasa yang mudah di fahami dalam Khutbah Jumaat dan Sebabnya**

#### **1. Bahasa Arab:**

1.1 Sebagai Pembukaan Khutbah

1.2 Sesuai dengan pendahuluan yang mengandungi Hamdalah, Solawat

Keatas Nabi ﷺ, Wasiat dengan Ketakwaan, Bacaan Ayat al-Quran.

1.3 Diakhiri dengan Solawat keatan Nabi ﷺ, Doa kepada Muslimin-Muslimat

#### **2. Bahasa Melayu Rasmi:**

2.1 Sesuai dengan permulaan Khutbah, Mukaddimahny dan Persedian

untuk memasuki isi kandungan Khutbah.

2.2 Susah difaham jika Khatib masih berterusan sampai akhir Khutbah.

2.3 Faham sebahagian, tetapi tidak boleh buat kesimpulan

2.4 Rasa semacam bukan orang tempatan yang sedang berkhotbah.

2.5 Khatib Biasa dengan baca dari buku himpunan Khutbah atau dari teks yang disediakan.

2.6 Jarang terdapat Khatib berbahasa Malaysia atau Indonesia Jika berkhotbah secara spontan.

#### **3. Bahasa Melayu Tempatan dan Bahasa Thai:**

3.1 Senang difahami dan susunannya mudah diikuti

3.2 Dibaca pada permulaan Khutbah, tetapi disampaikan huraian dan isi kandungannya dalam bahasa yang difahami

3.3 Tidak di baca dari buku, tetapi diberi secara spontan mengikut kesesuaian tempat dan masa.

Dalam hal yang sama, Pengkaji telah menemubual dengan dua orang pendengar Khutbah dalam Daerah tersebut, mereka mengemukakan idea dan pengesyuran sebagai berikut.

**Muhammad Ayub Pathan**, berkata:

Khutbah adalah salah satu saluran Dakwah yang di sampaikan kepada orang ramai yang berhimpun di masjid pada hari Jumaat, Kejayaan para Khatib dalam penyampain mereka adalah terhenti di atas beberapa faktor, sebahagiannya adalah terhenti di atas penggunaan bahasa yang sesuai dengan tahap akal fikiran dan latar belakang pengajian para pendenggan, itulah sebagai inti risalah Khutbah yang di sampaikan , kerana bahasa adalah petanda yang menunjukkan sejauh manakah penyampainan itu berkesan atau sebaliknya.

Bahasa Melayu Pattani adalah bahasa yang senang difahami dalam berkomunikasi harian dan penyampain Khutbah, Para Khatib masih menghayatinya sebagai bahasa tempatan kerana meraikan para hadirin yang bukan semuanya memahami bahasa persuratan. Disamping itu mereka masih menghayati bahasa tulisan rasmi pada permulaan Khutbah.

Dalam hal yang sama, didapati beberapa buah Masjid di Wilayah Yala menyampai khutbah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai, Ini adalah kerana didapati sebahagian para hadirin tidak faham Bahasa Melayu. Maka terhenti diatas kebijaksanaan para

Khatib itu sendiri dalam memilih bahasa yang sesuai dengan para pendengar.

Walau bagaimanapun, Bahasa Melayu rasmi tetap menjadi rujukan dalam tulisan dan percakapan, tetapi dalam berkomunikasi harian dan upacara agama seperti Ceramah, Ucapan, Khutbah dan sebagainya, bahasa dialek tempatan lebih diutamakan kerana memandangkan kepada senang dan mudah difahami.

**Mansor Saleh** berkata : Bahasa Melayu yang disampaikan dalam Khutbah adalah bahasa yang disusun oleh para ilmunan, ia menunjukkan kebudayaan dan ketamadunan orang Melayu tempatan. Dalam hal ini, didapati bahawa susunan Khutbah juga menunjukkan budaya dan tamadun tempatan dalam penyampaian berbentuk tulisan yang diisi dengan fakta-fakta agama, nasihat dan tunjuk ajar. Tetapi sekarang ini ramai orang Melayu tempatan sudah tidak faham bahasa Melayu persuratan, mereka lebih faham bahasa dialek tempatan dan bahasa Thai. Maka para Khatib seharusnya memainkan peranan mereka dalam penyampaian Khutbah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami orang ramai supaya penyampaian tersebut dapat sampai tujuan dan matlamat.

Tujuan utama penyampaian Khutbah adalah supaya para pendengar dapat mengambil faedah dari isi kandungan yang disampaikan. Berjaya atau sebaliknya, bahasa tetap menjadi fungsi utama dalam penyampaian, Jika bahasa disusun dengan baik dan betul maka ia akan menjayakan tujuan khutbah tersebut. sewajarnya para Khatib susun isi Khutbah dengan bahasa yang sesuai dengan keadaan tempat.

### Beberapa Cadangan Ke Arah Penghayatan bahasa Melayu dalam Khutbah

1. Seharusnya Khutbah disampaikan dalam tempoh masa yang sederhana dan menumpu faedah sebanyakmungkin kepada para pendengar dengan susunan bahasa yang betul dan teratur.

2. Mengguna bahasa yang sederhana dengan mengambil kira perbezaan latarbelakang umur, ilmu dan pengalaman para pendengar.

3. Penggunaan bahasa persuratan dan bahasa dialek tempatan adalah menunjukkan kesesuaian tempat dan masa, dan menunjukkan kebijaksanaan hikmah yang ada pada Khatib itu sendiri.

4. Persediaan dalam penyampain Khutbah adalah sebahagian dari keberkesanannya kepada pendengar, seperti: Persediaan tajuk, isi kandungan yang sesuai dengan tempat dan keadaan semasa, bembentangan masalah dan cara penyelesaiannya dan lain-lain.

5. Jika kandungan Khutbah berupa tulisan, sebaiknya lebih dahulu para Khatib menyemak tulisan tersebut dan menyampainya dengan betul sama ada pada perkataan maupun jumlah ayat.

6. Majlis Agama Islam Wilayah seharusnya mengadakan krusus motiwasi para Khatib dalam kemahiran dalam penyampain Khutbah, dan membekalkan mereka dengan berbagai ilmu dalam bidang Dakwah.

7. Pusat Pengajian agama seharusnya memainkan peranan dalam menyemai bahasa Melayu persuratan rasmi sejak kanak-kanak masih kecil sampai tamat pengajian sekolah menengah.

## Kesimpulan dan Saranan

Dari fakta-fakta di atas dapat dibuat kesimpulan betapa penting dan besarnya peranan Khutbah Jumaat dalam mengangkat taraf kedudukan orang Islam kearah ketakwaan melalui fahaman agama dan cara hidup yang sejati serta dengan mengerjakan amalan yang berterusan hasil dari penimbaan isi Khutbah mingguan. Amat gembira sekali jika Khutbah benar-benar disampaikan secara bersistematik dan teratur sehingga dapat menjadi mesej hidup dan bekalan kepada masyarakat kearah kecemerlangan dan kewibawaan dan mendapat keredhaan Allah ﷻ didunia dan akhirat.

## BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN

### Rujukan Kibat

- Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansoriey. 2006.**al-Jami' li ahkam al-Quraan**. Beirut : Muassasah al-Risalah .
- al-Ahdal, Muhammad bin Sulaiman. 1416. **Ahammiyatu Yaum al- Jumu ah Wa KhutobMukhtaroh Li Yaumi al-Jama-ie'**Makkah al-Mukarromah : Ida rotu al- Tauzie' Wannasyrie bi Robitoh al-Alam al-Islamie.
- Ali Mahfuz, n.d. **Fannul Khitobah Wa ii'da dul Khatib**,Cario-Egypt: Darul li'tisom
- al-Baqhawiy, Abu Muhammad al-Husain bin Mas uud. 1412. **Tafsir al-Baqhawiy( Maalim al-tanzil)**.al-Riyadh : Dar al-Tayyibah.
- Ali, Abd al-halim Mahmud,. 1991**Al-Masjid wa-asaruhi fil mujtama'** **Al-Islami**. al-Kahiroh : Dar al-Manar al-Hadithah.

- al-Nasaie, Abu Abdurrahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Nasaie, Sunan
- al-Nasaie, Beirut-Lubnan : Dar al-fikr.al-Qurtubiy,
- al-Tabariy, Abu Ja'far Mohd bin Jarir 2001.**Jami' al-Bayan an ta'wil a yil al-Guran** ,Cairo-Egypt : Dar Hijr.
- al-Qurtubiy, Abu Abdillah Mohd bin Ahmad bin Abi Bakr 2006. **al-Jami' Li ahkam al-Quran**. Beirut-Lubnan : Muassasah al-Risalah
- Mohd Yusri, ,1985 **Ma a lim fi Usul al-Da'wah ila Allah ,al-Mansurah** Cairo-Egypt : Dar al-wafaa'.
- Muslim,bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naisaburiy,2005.Sahih Muslim. al-Riyadh : Dar al-Salam.
- Saif al-Islam Ali Matar ,1986. **al-Taqhaiyyur al-Ijtimaiey**. al-Mansurah : Dar al-Wafaa'.
- Temuramah :**
- Mansor Saleh , Juru hebah Radio siaran MCOT Yala FM 92.50 Mhz ,Rancangan Jendela Masyarakat . Temubual pada hari Isnin 8 May 2017 . Masa 12.00 Tengah hari, di Pusat Pertanian Yala.
- Muhammad Ayub Pathan , Pengarah Agensi berita sempadan wilayah selatan, Temubual pada hari Ahad 14 May 2017, Masa 15.00 Petang, Di pejabat Aids Yala.